

**AMARAN HUJAN LEBAT, ANGIN KENCANG DAN LAUT
BERGELORA DI NEGERI-NEGERI DI UTARA
SEMENANJUNG MALAYSIA SEMASA KEJADIAN RIBUT
TROIKA “DURIAN”**

DISEDIAKAN OLEH
JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

7 DISEMBER 2006

Pergerakkan Ribut Tropika "Durian"

1. Pergerakkan Ribut Tropika "Durian"

Lekukan tropika "Durian" mula terbentuk pada 25 November 2006 di Lautan Pasifik barat dan menjadi Ribut Tropika "Durian" pada 26 November 2006. Ia terus bergerak menuju ke bahagian timur kepulauan Filipina dan kekuatannya meningkat menjadi taufan pada 28 Nov 2006. Pada 30 Nov 2006, ia menjadi "super" taufan dan melanda pulau Catanduanes, Filipina dan telah mengorbankan lebih daripada seribu nyawa dan kemusnahan banyak harta benda.

Selepas melanda Filipina, ia terus bergerak ke arah barat dan baratdaya menuju Laut China Selatan dan melanda selatan Vietnam pada 5 Disember 2006. Semasa merentasi Teluk Thailand, kekuatan ribut tropika ini menjadi semakin lemah. Ia berada di Teluk Thailand pada 5 dan 6 Disember 2006 dan melintasi Segenting Kra, Selatan Thailand pada lewat petang 6 Disember 2006 dengan kekuatan sebagai lekukan tropika.

2. Amaran hujan lebat, angin kencang dan Laut bergelora

Ramalan pergerakan ribut tropika ini dijangka akan merentasi selatan Thailand dan menuju ke Laut Andaman. Walaupun ribut tropika ini tidak dijangka melanda Malaysia tetapi kesan seperti hujan lebat, angin kencang dan laut bergelora dijangka akan berlaku di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Sehubungan dengan itu, JMM telah mengeluarkan amaran pertama pada 8.30 pagi 5 Disember 2006 yang melibatkan negeri-negeri tersebut yang paling dekat dengan jangkaan laluan (forecast track). Tempoh amaran hujan lebat ialah mulai 5 Disember 2006 sehingga 6 Disember 2006. Semasa ribut tropika ini berada di Teluk Thailand iaitu kedudukan yang paling hampir dengan negara Malaysia, pengemaskinian amaran dilakukan setiap 3 jam dan maklumat ini dihantar kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan pengurusan bencana termasuk media masa dan media elektronik.

Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama untuk perairan pantai timur Semenanjung Malaysia telah dikeluarkan pada 12.30 petang 30 Nov

2006 dan ditingkatkan kepada kategori kedua pada 11.50 pagi 2 Disember 2006. Ia ditingkatkan lagi kepada kategori ketiga pada 7.40 pagi 3 Disember 2006 apabila taufan "Durian" semakin hampir dengan perairan Malaysia. Pada 1.00 petang 5 Disember 2006, kawasan perairan Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dimasukkan dalam amaran angin kencang dan laut bergelora ini yang berkuatkuasa sehingga Khamis, 7 Disember 2006. Semua amaran tersebut telah ditamatkan pada pagi 7 Disember 2006 apabila tiada lagi lekukan tropika dikesan di Laut Andaman.

Rajah 1 dibawah menunjukkan pergerakan posisi setiap enam jam taufan "Durian" tersebut:



Rajah 1: Kedudukan taufan "Durian" setiap enam jam pada tahap kekuatan LekukanTropika (warna kuning), Ribut Tropika (hijau), severe Ribut Tropika (biru) dan taufan/super taufan (merah).

3. Kesimpulan

Amaran hujan lebat, angin kencang dan laut bergelora yang dikeluarkan oleh JMM adalah amaran awal yang perlu dikeluarkan dan disampaikan kepada semua agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana. Amaran ini perlu sebagai persediaan semua pihak dalam menghadapi kemungkinan yang boleh berlaku akibat daripada taufan “Durian” ini. Pengemaskinian setiap 3 jam tentang status ribut tropika ini juga perlu agar semua pihak mendapat keadaan terkini berkenaan dengan perkembangan ribut tropika ini sehingga kesannya kepada negara ini tidak menjadi signifikan lagi.